

**SOALAN LAZIM**  
**Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021**

1. **Soalan:**  
Apakah **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021**?

**Jawapan:**

**Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021** adalah cabutan baru yang diperkenalkan oleh PTPTN dan merupakan kesinambungan Cabutan WOW! SSPN-*i* Plus. Cabutan ini dikhususkan kepada pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan di dalam tempoh kempen.

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021** bermula?

**Jawapan:**

Kempen ini bermula pada **01 September 2021** dan berakhir pada **31 Disember 2021**.

3. **Soalan:**  
Apakah syarat-syarat untuk menyertai kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021**?

**Jawapan:**

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

- a. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Plus yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan** dalam tempoh kempen;
- b. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh:-
  - i. Kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
  - ii. Kakitangan panel pengendali takaful dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak) seperti berikut:-
    - Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLMT)
    - Great Eastern Takaful Berhad (GETB)
    - Takaful Ikhlas Family Berhad (TIFB)
- c. Pendeposit perlu **memastikan akaun tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan**;
- d. Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada setiap **simpanan bersih RM50** (simpanan + takaful) melayakkan **satu (1) cabutan. Tiada had untuk bilangan cabutan**;
- e. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) sehingga tarikh cabutan.

4. **Soalan:**  
Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021**?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

**5. Soalan:**

Bagaimanakah pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan **Simpan SSPN Plus**?

**Jawapan:**

Akaun **Simpan SSPN Plus** boleh dibuka/ ditambah secara online dengan melayari [www.lovesspn.com](http://www.lovesspn.com), di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

**6. Soalan:**

Jika akaun pendeposit telah tertunggak, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

Tidak layak. Pendeposit perlu memastikan akaun tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan yang ditetapkan.

**7. Soalan:**

Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

Layak. Tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

**8. Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa

**9. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

**Jawapan:**

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah seperti berikut:

**Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021 – Cabutan Istimewa**

Pemenang	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	Gold Bar bernilai RM150,000	1
Kedua	Kereta Perodua Bezza 1.3 AV	2
Ketiga	Perkakas Dapur Canggih (Thermomix)	3
Saguhati	Tunai bernilai RM221	215

**10. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021** akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**11. Soalan:**

Bilakah dan bagaimanakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam **tempoh dua (2) bulan** dari tarikh cabutan. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di **Simpan SSPN Plus**.

**12. Soalan:**

Adakah pendeposit yang telah memenangi hadiah tunai di dalam kempen ini boleh mengeluarkan tunai yang dimenangi?

**Jawapan:**

Hadiah tunai yang dimenangi perlu **dikekalkan** di dalam akaun Simpan SSPN Prime selama **3 bulan** dari tarikh cabutan.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021**.

*Maklumat dikemaskini pada 24 Ogos 2021*